

NOTA PENERANGAN BORANG CP204A
PINDAAN ANGGARAN CUKAI YANG KENA DIBAYAR OLEH SYARIKAT / KOPERASI / BADAN AMANAH

(a) Borang CP204A

Gunakan borang ini apabila membuat pindaan anggaran cukai yang kena dibayar. Isi ruangan dengan HURUF BESAR menggunakan pen dakwat hitam.

(b) Bila pindaan kepada anggaran boleh dibuat

Anggaran cukai bagi sesuatu tahun taksiran hanya boleh dipinda dalam bulan **ke-6** atau **ke-9** atau **kedua-duanya** dalam tempoh asas. Jika anggaran cukai yang dipinda melebihi ansuran yang telah dibayar, baki cukai mestilah dibayar secara ansuran mengikut baki tempoh bayaran yang ada.

(c) Pengiraan amaun ansuran yang dipinda

Kira amaun ansuran yang baru dan teruskan bayaran ansuran mengikut cadangan pindaan. Amaun ansuran bulanan yang dipinda dikira dengan membahagikan baki anggaran cukai yang belum dibayar dengan baki tempoh bayaran. Amaun sen (jika ada) hendaklah ditambah kepada ansuran terakhir. Jika anggaran cukai yang dipinda kurang daripada jumlah yang telah dibayar, syarikat bolehlah memberhentikan bayaran ansuran seterusnya.

Contoh:	Borang Pindaan dikeluarkan di antara 1hb -10hb Jun dan bayaran telah dibuat sehingga bulan Mei		Borang Pindaan dikeluarkan selepas 10hb Jun dan bayaran telah dibuat sehingga bulan Jun	
Anggaran cukai dipinda (RM)	Februari - Mei (RM 10,833 x 4)	RM 150,000.00		RM 150,000.00
Tolak: Ansuran telah dibayar		RM 43,332.00	Februari - Jun (RM 10,833 x 5)	RM 54,165.00
Baki ansuran		RM 106,668.00		RM 95,835.00
Ansuran bulanan dipinda	(RM 106,668) ÷ 8	RM 13,333.50	(RM 95,835) ÷ 7	RM 13,690.71
	Jun (ke-5) - Disember (ke-11)	RM 13,333.00	Julai (ke-6) - Disember (ke-11)	RM 13,690.00
	Januari (Ansuran akhir)	RM 13,337.00	Januari (Ansuran akhir)	RM 13,695.00

(d) Anggaran terkurang

Jika perbezaan antara cukai sebenar dengan anggaran cukai kena dibayar dipinda atau anggaran cukai jika tiada anggaran cukai dipinda dikemukakan melebihi 30% dari cukai sebenar, maka cukai akan dinaikkan sejumlah 10% atas perbezaan yang melebihi 30% tanpa sebarang notis. Formula pengiraan cukai dinaikkan ialah:

$$[(CS-AC) - (30\% \times CS)] \times 10\%$$

di mana **CS:** cukai sebenar yang kena dibayar
AC: anggaran cukai

(e) Slip pengiriman bayaran - CP207

Gunakan slip pengiriman bayaran apabila membuat bayaran. Salinan fotostat borang CP 207 boleh digunakan. Slip pengiriman bayaran penting supaya bayaran cukai dapat dikreditkan kepada cukai bagi tahun taksiran yang berkaitan. Borang CP207 boleh didapati di www.hasil.gov.my.

(f) Tarikh bayaran ansuran bulanan perlu diterima

Bayaran perlu diterima di **Kaunter Bayaran LHDNM** / di cawangan **CIMB Bank / Public Bank / Maybank** selewat-lewatnya pada 10 haribulan bulan ansuran berkenaan. Bayaran juga boleh dibuat melalui kemudahan **e-bayaran** di www.hasil.gov.my. Cukai akan dinaikkan sejumlah 10% atas amaun yang tidak dibayar dalam tempoh ditetapkan tanpa sebarang notis.

(g) Pertukaran tarikh penutupan akaun

Kemukakan Borang CP204B jika terdapat pertukaran tarikh penutupan akaun. Borang perlu diterima selewat-lewatnya seperti berikut:

Tempoh perakaunan dipendekkan: Satu bulan sebelum tarikh **permulaan** tempoh perakaunan yang baru
Tempoh perakaunan dipanjangkan: Satu bulan sebelum tarikh **penutupan** akaun yang asal.